

20 MAY, 2026

## Malakoff meterai PPA dengan TNB



Kosmo, Malaysia

# Malakoff meterai PPA dengan TNB

- Libatkan dua anak syarikat
- 2 stesen janakuasa terletak di Lumut

**PETALING JAYA** – Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) melalui GB3 Sdn. Bhd. (GB3) dan Segari Energy Ventures Sdn. Bhd. (SEV), telah menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) baharu dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Perjanjian ini adalah lanjutan operasi stesen janakuasa Turbin Gas Kitaran Terbuka GB3 berkapasiti 429 MW dan stesen janakuasa Turbin Gas Kitaran Gabungan SEV berkapasiti 1,303 MW, yang mana kedua-duanya terletak di Lumut, Perak (Stesen Janakuasa Lumut).

Pembaruan operasi Stesen Janakuasa Lumut ini berjaya dicapai susulan kejayaan Malakoff memperoleh pelanjutan tempoh bagi tiga stesen janakuasa berkuasa gas miliknya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malakoff, Syahrulizam Samsudin berkata, pencapaian penting ini mengesahkan semula peranan Malakoff sebagai tulang belakang kepada sektor tenaga Malaysia, yang memiliki



**PEMETERAIAN PPA bersama TNB untuk Stesen Janakuasa Lumut akan dapat memastikan kelangsungan bekalan tenaga elektrik ke grid nasional bagi menjamin kapasiti tenaga untuk jangka panjang.** – GAMBAR HIASAN

rekod prestasi dan kapasiti untuk membekalkan tenaga yang dipercayai bagi jangka masa panjang.

"Stesen-stesen janakuasa ini telah menyokong grid nasional dengan rekod prestasi yang konsisten dan boleh dipercayai sela-

ma bertahun-tahun," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Menurut Syahrulizam, ini adalah stesen-stesen yang mantap dengan rekod prestasi operasi yang kukuh.

Usaha melanjutkan operasi janakuasa tersebut akan mem-

astikan kebolehpercayaan itu dikekalkan tanpa gangguan, walaupun ketika syarikat berusaha ke arah membina sistem tenaga masa hadapan.

"PPA baharu ini juga dijangka menyumbang secara positif kepada perolehan dan aset ber-

sih Malakoff sepanjang tempoh pelanjutan.

"Ini pastinya akan mencerminkan nilai jangka panjang pengurusan aset yang berdisiplin dan memastikan perniagaan tenaga kami kekal teguh sebagai tonggak utama Kumpulan Malakoff.

"PPA ini membentuk kontrak baharu dengan TNB yang membolehkan stesen-stesen berkenaan terus menjana dan membekalkan elektrik ke grid nasional, sekali gus menjamin bekalan tenaga yang utuh dan memperkukuh keselamatan tenaga negara ketika permintaan terus meningkat.

Stesen janakuasa SEV telah beroperasi sejak tahun 1996, manakala stesen janakuasa GB3 mula beroperasi pada tahun 2001.

Aset-aset yang telah lama berbakti ini telah menyokong bekalan elektrik secara konsisten di seluruh Semenanjung Malaysia selama bertahun-tahun.

Secara gabungan, kedua-dua stesen ini bakal membekalkan 1,732 MW kapasiti penjanaan yang boleh diharap dan fleksibel.

Sekali gus, ia akan membantu mengekalkan kestabilan grid nasional dan memastikan margin rizab yang mencukupi terutamanya ketika tempoh permintaan puncak.